

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 1975**

### **DASAR LOMBONG NEGERI KELANTAN**

Sebagai tuan sedia maklum bahawa Dasar Lombong Negeri Kelantan yang masih dipakai sekarang ini adalah sebagaimana dalam Lampiran 'A' yang berkembar.

2. Baharu-baharu ini Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan utama Malaysia, telah memberitahu bahawa Perbadanan National Berhad (PERNAS) telah menubuh satu Syarikat Perlombongan dengan nama PERNAS MINING SENDIRIAN BERHAD dan modal yang diluluskan ialah \$30 juta ringgit. Tujuan besar bagi PERNAS menubuhkan PERNAS Mining ialah untuk mengembangkan aktiviti-aktivitinya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru khususnya di bidang perlombongan.

3. Pihak Kementerian Perusahaan Utama Malaysia telah membuat beberapa syor kepada Kerajaan Negeri mengenai pengeluaran Permit Carigali.M.M.K yang bersidang pada 29/10/1975, selepas menimbang Kertas Bil. 20/717/75/(4) telah bersetuju menerima syor-syor dari PERNAS Mining itu untuk menjadi sebagai satu dasar mengenai Permit-permit atau Lesen-lesen mencarigali bagi Negeri Kelantan. Dasar-dasar yang dipersetujui itu ialah:-

- a) di dalam mempertimbangkan permohonan-permohonan untuk mendapat Permit-permit atau Lesen-lesen mencarigali, Kerajaan Negeri Kelantan akan memberi pertimbangan keutamaan kepada permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh PERNAS Mining sebagai satu daripada langkah-langkah untuk mempercepatkan penyertaan

Bumiputra di dalam perusahaan perlombongan selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru;

- b) usaha bersama adalah digalakkan di antara PERNAS Mining dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, terutamanya:-
- i) jika kawasan-kawasan perlombongan yang dipohonkan oleh PERNAS Mining bertindih dengan permohonan-permohonan daripada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan; atau
  - ii) jika kerja-kerja perlombongan yang hendak dijalankan itu kelak akan melibatkan modal yang besar.

4. Dasar yang tersebut di atas adalah menjadi sebagai tambahan kepada Dasar Lombong Negeri Kelantan yang sedang dipakai sekarang bagaimana dalam Lampiran 'A' yang berkembar.

**t.t**  
**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan

**KEPADA:**

Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan.

Semua Pegawai-Pegawai Jajahan, Kelantan.

Setiausaha kepada YB. Dato' Menteri Besar.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.**

**KOTA BHARU:** 2HB DISEMBER 1975.

**DASAR MELOMBONG NEGERI KELANTAN.**

1. Dengan tertakluk kepada syarat-syarat dan pandangan-pandangan di bawah Kerajaan adalah menggalakkan pembukaan lombong-lombong bijih besi, manganese dan lain-lain bijih yang mungkin ada di Negeri Kelantan.
  
2. Di dalam hal memberi pertimbangan satu permit atau lesen menyelidiki keadaan tanah galian hendaklah diutamakan orang-orang Melayu (menurut takrif yang ada di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu) dengan aturan keutamaan seperti berikut:-
  - (a) kepada orang-orang Melayu bersyarikat.
  
  - (b) kepada seorang Melayu bersendirian.
  
  - (c) kepada satu persyarikatan orang-orang Melayu dengan orang-orang bukan Melayu dengan terkena kepada syarat-syarat seperti yang tersebut di dalam Ceraian B.
  
  - (d) kepada syarikat yang ada bahagian modal dan buruh/pekerja/pegawai Melayu di dalamnya.

dengan syarat bahawa Kerajaan hendaklah melakukan penyiasatan yang sempurna supaya mengetahui benar iaitu ada mempunyai sifat sesuatu jenis itu bagi meletakkannya pada sesuatu jenis yang mendapat keutamaan itu.

3. Bagi menggalakkan orang-orang Melayu berusaha melombong itu Kerajaan hendaklah membantu modal kepada perusahaan melombong, apabila mustahak dan boleh, dengan membeli bagi sementara syer-syer syarikat Melayu – bukan Melayu untuk mengisi bahagian modal Melayunya.
4. Bagi jenis (c) dalam Ceraian 2, lesen dan permit menyelidiki tanah lombong hanya boleh diberikan setelah selesai pertimbangan-pertimbangan lain, setelah Kerajaan yakin dengan keterangan-keterangan resmi bahawa bahagian Melayu dan modal syarikat itu tidak kurang daripada 55% dan yang bukan Melayu 45% dan setelah Kerajaan yakin bahawa banyak modal yang telah diisi dari peratus Melayu itu tidak kurang selama-lamanya dalam nisbahnya daripada 55%-45% itu dengan syarat Kerajaan hendaklah membuat syarat sebelum lesen itu dikeluarkan bahawa tiada satu masa pun dibolehkan syarikat itu mengurangkan syer Melayunya daripada 55% itu sesudah lesen pajakan itu diberi.
5. Bagi melatih hendaklah diisytiharkan kepada (a), (b),(c) dan (d) di dalam Ceraian 2 supaya memberi biasiswa-biasiswa kepada anak-anak Melayu Kelantan di dalam lapangan teknik dan perlombongan yang mustahak bagi mereka untuk menjalankan perusahaannya itu menurut kadar yang diluluskan di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
6. Sesuatu kebenaran menyiasat carigalian ataupun lesen Menyiasat akan dikeluarkan hanya bagi kawasan yang tidak lebih daripada 2000 ekar sahaja melainkan dengan terlebih dahulu M.M.K telah membenarkan pemohon itu membuat permohonan bagi kawasan yang lebih daripada 2000 ekar. Misalnya oleh sebab keadaan yang istimewa permohonan-permohonan di kawasan perairan (coastal waters) tidak terhad kepada keluasan di atas.

7. Pada masa menimbang permohonan-permohonan daripada company-company maka patutlah diutamakan permohonan-permohonan yang ada menyatakan di dalam Perkara-perkara Persatuannya (Articles of Association) yang ia akan memakai tidak kurang daripada 75% daripada jumlah bilangan pekerja-pekerja terdiri daripada anak-anak Negeri Kelantan.

8. (a) **Syarat-syarat pada menimbang satu-satu permit atau lesen:**

(i) mana permohonan yang berhampiran dengan jalanraya atau landasan keretapi hendaklah menerima layanan yang pertama.

(ii) permohonan tanah di atas tanah tinggi atau tebing di mana rancangan penyimpan tahu lombong tidak boleh diadakan atau akan merosakkan sesuatu kepentingan tanaman yang besar hendaklah ditolak.

(iii) Biasanya permit menyiasat carigalian sahaja dikeluarkan dan lesen menyiasat carigalian biasanya dikeluarkan hanya setelah pemintan membuktikan kesanggupannya menjalankan perusahaan melombong dengan sendiri.

(b) **Syarat-syarat bagi Pajakan:**

Tempoh pajakan itu akan ditetapkan oleh M.M.K Kerajaan berasaskan kepada tempoh tempat yang diberi paja itu boleh dijalankan pekerjaan melombong dengan syarat tempoh tersebut tidak lebih daripada 21 tahun.

(c) **Bayaran harga dan sewa:**

- i) Harga pajakan atau sambungan hendaklah dikira di atas kadar \$100/- seekar bagi masa 15 tahun yang pertama dan selepas itu \$75/- seekar.
- ii) Hasil tahunan bagi tiap-tiap seekar hendaklah sebanyak \$15/- setahun.